

KOSMO!
31 JANUARI 2010 (AHAD)

Semak syarat mohon dana PTPTN

Oleh **TAUFEK RAZAK**
berita@kosmo.com.my

PUTRAJAYA – Jika selama ini sesiapa sahaja yang mendapat tempat di institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan layak memohon dana daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), penuntut pada masa depan mungkin tidak lagi mendapat keistimewaan seperti itu.

Ini kerana Kementerian Pengajian Tinggi akan menyemak

semula syarat kelayakan memohon dana atas kesedaran bantuan sepatutnya diberikan kepada golongan yang layak.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, kajian semula itu dibuat atas dasar menjamin keadilan sosial.

“Ibu bapa yang berkemampuan sepatutnya membiayai sendiri pendidikan anak-anak mereka dan tidak meletakkan sepenuhnya tanggungjawab itu pada kerajaan,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan

Persidangan *Real Undergraduate* di sini semalam.

Berdasarkan syarat semasa PTPTN, pemohon dana perlu mempunyai surat tawaran masuk IPT, warganegara Malaysia, umur tidak melebihi 45 tahun, lulus sekurang-kurangnya tiga kepujian di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan tiada penaja lain.

Kajian semula kelayakan meminjam itu juga dibuat selepas mengambil kira peningkatan saiz dana PTPTN yang wajar

dikawal.

Katanya, saiz dana PTPTN akan meningkat daripada RM3 bilion sekarang kepada RM5 bilion pada 2013.

Beliau menambah, ia disebabkan bilangan pelajar semakin ramai dan ini tentunya mendorong kepada lebih ramai pelajar memohon pinjaman.

“Kita bukan sahaja menghadapi bilangan pemohon yang semakin ramai tetapi juga sikap peminjam yang liat membayar balik hutang,” ujarnya.